

Bomba terpaksa pam air

Laluan sesak lebih satu kilometer akibat susur ke Jalan Duta digenangi air

IZWAN ROZLIN

SEGAMBUT – Hujan lebat pagi semalam menyebabkan susur ke Jalan Duta dari arah Selayang digenangi air sedalam setengah meter menyebabkan kesesakan teruk kenderaan sejauh lebih satu kilometer hingga ke bulatan Selayang.

Kesesakan berlaku berpunca daripada kegagalan sistem saliran jalan berfungsi dengan baik menyebabkan air bertakung dan mengambil masa yang panjang untuk surut.

Bomba terpaksa dipanggil untuk mengepam air yang bertakung ke longkang berhampiran bagi membolehkan kenderaan melalui susur itu.

Pengguna jalan raya yang

“ Saya yakin projek projek pembinaan 10 blok kondominium berhampiran jalan itu juga menjadi punca kelemahan sistem saliran di situ.”

Lip Eng

ditemui rata-ratanya tidak berpuas hati kerana terpaksa membuang masa selama lebih sejam setiap kali masalah itu berlaku.

Penduduk Segambut, Zulkifli Mahat, 45, berkata, pihak berwajib perlu membuat sesuatu bagi menangani masalah itu.

“Masalah ini sudah diadukan banyak kali kepada Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) namun tiada tindak balas positif malah keadaan semakin teruk,” katanya kepada

Sinar Harian.

Seorang lagi pekerja swasta, Mohd Amirul Sahraman, 38, kesal kerana pihak berkuasa tempatan tidak membuat kerja baik pulih dengan segera.

Sementara itu, Ahli Parlimen Segambut, Lim Lip Eng memberitahu, sistem saliran air di kawasan susur jalan itu perlu dinaik taraf bagi mengelak masalah terus berlaku.

“Saya yakin projek projek pembinaan 10 blok kondominium berhampiran jalan itu juga menjadi punca ke-



Bomba ketika mengepam keluar air yang bertakung di susur masuk ke Jalan Duta.

lemahan sistem saliran di situ yang sepatutnya dinaik taraf sebelum projek kondominium

itu dilaksanakan,” katanya.

Menurutnya, beliau sudah membuat aduan secara terus

kepada talian hotline aduan DBKL mengenai masalah yang berlaku.